

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah peruntukan dana dalam Rancangan Malaysia ke-12 untuk projek pembersihan sungai serta melebar dan mendalamkan dasar sungai sebagai usaha mengatasi masalah banjir di beberapa kawasan rendah di Pasir Gudang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Gudang, di bawah butiran Projek Berskala Kecil di Bawah Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) – Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir, terdapat dua (2) projek yang telah dilaksanakan di bawah Parlimen Pasir Gudang dengan kos projek sebanyak RM100,000.00.
2. Skop kerja yang terlibat di bawah program tersebut adalah kerja pengorekan sungai, muara sungai, pembinaan struktur hakisan tebing sungai, membuang kelodak, sampah, sisa pepejal, menaik taraf dan menyelenggara aset/ struktur kawalan banjir yang bertujuan mengurangkan risiko banjir. Antara projek yang terlibat seperti berikut:

BIL	TAJUK KERJA	KOS PELAKSANAAN KERJA (RM)
1	Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir - Kerja Penstabilan Tebing Sg. Plentong Di Taman Perindustrian Plentong, Mukim Plentong, Johor Bahru, Johor	50,000.00
2	Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir - Kerja Penstabilan Tebing Cabang Sg. Plentong Di Kg. Sg. Plentong, Johor Bahru, Johor	50,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>100,000.00</b>

3. Manakala di bawah butiran Projek Berskala Kecil Di Bawah Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) – Pembangunan Denai Sungai Kebangsaan (DSK) terdapat tiga (3) projek telah dilaksanakan di bawah Parlimen Pasir Gudang dengan kos sebanyak RM229,922.00 dan melibatkan projek seperti berikut:

BIL	TAJUK KERJA	KOS PELAKSANAAN KERJA (RM)
1	Pembinaan Asas Denai Kebangsaan Sg Kim Kim Di Kg Bukit Pulai Mukim Plentong Johor Bahru	202,450.00
2	Kerja Pengukuhan Tebing Cabang Sg Kim-Kim Bersebelahan Kilang Luvata Mukim Pelentong Pasir Gudang Johor	19,972.00
3	Pemasangan Papantanda Kesedaran Di Sekitar Denai Sungai Kim-Kim Pasir Gudang	7,500.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>229,922.00</b>

Sekian, terima kasih.